

## BAB V

### AKTIVITI-AKTIVITI PERTUBUHAN BURUH

#### ANTARABANGSA DI MALAYSIA

Malaysia ialah salah sebuah negara anggota Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA). Ia menjadi ahli Pertubuhan tersebut sejak tahun 1957. Sejak dari tahun itu Malaysia telah banyak menerima bantuan dari pertubuhan tersebut. Pertubuhan itu telah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam membantu Malaysia di bidang teknik, keselamatan sosial, perlatihan dan daya pengeluaran (productivity).

Ada beberapa orang rakyat Malaysia yang menjadi anggota Badan Pemerintah Pertubuhan tersebut. Diantaranya ialah Encik S.J.H Zaidi, iaitu Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia. Ia dilantik menjadi salah seorang ahli di dalam Badan Pemerintah pada tahun 1973<sup>(1)</sup> hinggalah ke hari ini.

Baharu-baharu ini seorang lagi rakyat Malaysia iaitu Encik Pathmanaban<sup>(2)</sup> telah dilantik menjadi salah seorang

---

(1) Ia dilantik sebagai ahli perwakilan pekerja di dalam Badan Pemerintah. Ia dilantik sekali lagi menjadi ahli persidangan Pertubuhan Buruh pada bulan Mei 1975.

(2) Ia adalah wakil rakyat kawasan Teluk Kemang.

ahli di dalam kumpulan pakar-pakar pertubuhan tersebut (expert team member of the organization). (3)

Sekarang akan dilihat aktiviti-aktiviti Pertubuhan Buruh Antarabangsa di Malaysia di berbagai bidang.

## 1. KESELAMATAN SOSIAL

Malaysia mempunyai sebuah pertubuhan keselamatan sosial yang dinamakan Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO).

### 1) Langkah Ke Arah Penubuhan Skim Keselamatan Sosial

Malaysia memasuki arena antarabangsa di bidang keselamatan sosial dalam bulan October 1971, apabila Skim Keselamatan Sosial dimulakan di Johor Bharu sebagai projek printis di negara ini. Rancangan Keselamatan Sosial yang pertama itu dikenali sebagai Skim Kecederaan Dalam Pekerjaan (Employment Injury Scheme). Langkah kebajikan ini walau pun sangat teknikal dan rumit coraknya telah lama didalam perhatian kerajaan.

Ia ditubuhkan kerana dirasakan adalah perlu ditubuhkan satu pertubuhan khas bagi melindungi kaum pekerja yang sentiasa terdedah kepada bahaya pekerjaan dan kejadian-kejadian di luar jangkaan. Contohnya pekerja di kilang-kilang perusahaan di mana mereka menghadapi risiko-risiko yang besar. Oleh sebab itu satu pertubuhan khas perlu diadakan bagi menjamin atau memberi faedah kepada mereka ketika sakit, mendapat kemalangan

---

(3) Dipetik dari akhbar "The New Strait Times" Jumaat 12 Mac, 1976

semasa bekerja dan selepas mereka bersara.

Kajian pertama kearah penubuhan Skim Keselamatan Sosial telah dijalankan oleh seorang pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa bernama A.E. GODDARD yang bertugas di Malaysia mulai 1958. Sebuah Jawatankuasa Tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Manikavasagam<sup>(4)</sup> telah ditubuhkan pada tahun 1962. Tugas Jawatankuasa Tertinggi itu ialah mengkaji dengan lebih mendalam lagi masaalah penubuhan skim tersebut. Beberapa penyiasatan telah dijalankan oleh Jawatankuasa tersebut dan akhirnya seorang lagi penasihat dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa, iaitu A.N. AMBO, telah datang ke Malaysia untuk memberi nasihat berkenaan dengan penubuhan Skim Keselamatan Sosial tersebut.<sup>(5)</sup>

Atas nasihat A.N. AMBO, Jawatankuasa Tertinggi telah membuat laporan bahawa di Malaysia mungkin boleh diadakan Rancangan Keselamatan Sosial bagi faedah-faedah berikut:<sup>(6)</sup>

- (1) Faedah waktu sakit
- (2) Faedah waktu bersalin
- (3) Faedah kemalangan waktu bekerja
- (4) Faedah masa bersara

Laporan-laporan Jawatankuasa tersebut telah diterima sebulat suara oleh pihak majikan, pekerja dan kerajaan dan

---

(4) Ketika itu menjadi Menteri Buruh

(5) Dipetik dari Majallah 'SUARA TEKNIK' Februari 1968 m.s. 22

(6) Ibid., m.s. 23

telah menjadi asas Akta Keselamatan Sosial yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1969 dan sekarang sedang berkuatkuasa.

Dalam satu temuramah penulis kertas ini dengan Yang Berhormat Datuk Lee San Choon di Kementerian Buruh Malaysia pada hari Jumaat 14 Mei 1976, beliau menerangkan salah satu skim penting yang dimaksudkan di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969 ialah Skim Insuran Bencana Pekerjaan. Beliau mengatakan skim tersebut adalah untuk memberi faedah kepada pekerja yang mendapat kemalangan dan sakit semasa menjalankan pekerjaan. Skim tersebut mulai berjalan pada 1 haribulan Januari 1973 di 12 Pusat iaitu Johor Bharu, Melaka, Seremban, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Kelang, Kuantan, Ipoh, Taiping, Pulau Pinang dan Alor Star. Skim ini meliputi lebih kurang 11,000 majikan dan 800,000 pekerja.

ii) Pemakaian Akta Keselamatan Sosial 1969

Ada peruntukan-peruntukan khas di dalam Akta Keselamatan Sosial 1969 yang memberi faedah kepada pekerja yang tidak berupaya sementara.<sup>(7)</sup> Seksyen-seksyen tersebut menegaskan bahawa pihak majikan tidak boleh memberhentikan dan membuang kerja pekerja yang tidak berupaya sementara. Tidak berupaya sementara bermakna pekerja yang tidak dapat bekerja disebabkan sakit, bersalin atau mendapat kemalangan semasa menjalankan pekerjaan. Aktaini juga menghendaki supaya kumpulan-kumpulan

---

(7) S52, S53 (1), S53 (2)

Wang Pencen Ilat dan Bencana Kerja ditubuhkan. (8) Tujuan penubuhan tersebut ialah untuk membayar faedah daripada kumpulan-kumpulan wang tersebut kepada pekerja yang sakit dan mendapat kemalangan semasa menjalankan pekerjaan. Orang yang berhak mendapat faedah tersebut ialah pekerja yang telah diinsurankan di bawah kumpulan-kumpulan wang tersebut. (9)

Pertubuhan Buruh Antarabangsa telah mendapat kejayaan yang besar di dalam menubuhkan Skim Keselamatan Sosial Pekerja di Malaysia. Ini terbukti apabila dilihat semua syarikat-syarikat, badan-badan kerajaan, separuh kerajaan atau swasta, semua mengamalkan sistem memberi faedah kepada pekerja ketika mereka sakit, bersalin atau mendapat kemalangan di dalam pekerjaan. Ia sejajar dengan matlamat skim pertubuhan keselamatan sosial iaitu untuk melindungi para pekerja pada setiap masa.

## 2. RANCANGAN PERLATIHAN DI MALAYSIA (10)

Malaysia sejak kebelakangan ini telah meluaskan lagi rancangan perusahaan keduanya (secondary industry) dan memandang bahawa pekerja yang mahir adalah penting bagi perusahaan tersebut.

Di dalam satu laporan keatas Pembangunan Ekonomi Malaya

---

(8) S68 (1)

(9) S68 (2) & (3)

(10) Lihat Bab II Kertas Projek ini untuk mengetahui peranan PBB di bidang Perlatihan secara am.

pada tahun 1955 (11) dikatakan bahawa Malaysia (Malaya ketika itu) perlu menubuhkan sistem perlatihan dengan lebih banyak untuk menjayakan rancangan perusahaan kedua. Juga dikatakan pusat-pusat mestilah ditubuhkan lebih dahulu bagi mengadakan latihan kemahiran tersebut.

Oleh demikian, mulai tahun 1955 kerajaan Malaya telah meminta bantuan teknik di dalam bidang perlatihan dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Atas permintaan kerajaan Malaya seorang pakar, iaitu Ernest P. Eltham (12) telah dihantar oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) kesini pada bulan Desember tahun 1955. Beliau memberi bantuan teknik sehingga tahun 1957. Atas nasihat dan bantuan dari Ernest P. Eltham dan setelah meninjau keadaan perusahaan di negeri ini satu Skim Perlatihan Kebangsaan telah ditubuhkan pada tahun 1957.

Sekembalinya Ernest P. Eltham, seorang lagi pakar iaitu J.H. Skinner dari Pertubuhan Buruh telah dihantar ke Malaya. Atas nasihat-nasihat pakar tersebut, Lembaga Perlatihan Pusat telah ditubuhkan pada tahun 1958 dan Lembaga tersebut diletakkan di bawah Kementerian Buruh dan Kebajikan

---

(11) Lapuran oleh Utusan "International Bank for Reconstruction & Development - Technical Report 1955" m.s.311

(12) Beliau ialah Penasihat dari Jabatan Buruh Australia pada tahun tersebut.

Masyarakat. Lembaga perlatihan Pusat ini mempunyai struktur tripartite iaitu ia mengandungi tiga perwakilan, perwakilan kerajaan, majikan dan pekerja dan ketiga-tiga perwakilan ini mempunyai bilangan yang sama. Lembaga ini juga dibantu oleh Jawatankuasa Penasihat Perdagangan (Advisory Trade Committee) di peringkat kebangsaan dan serantau (regional).

Satu skim perlatihan yang besar telah dilancarkan di negeri Selangor pada tahun 1957. Ia meliputi bidang kejuruteraan dan elektrik. Diantaranya ialah: (13)

Kejuruteraan

1. Pemasangan (Mekanik Awam)
2. Pemasangan (Injen Diesel)
3. Mekanik Motor
4. Penjagaan Injen

Elektrik

1. Pemasangan alat-alat letrik
2. Memateri

Skim yang sama seperti di atas telah dilancarkan di Pulau Pinang dan Perak pada tahun 1959.

Skim apprentice lain yang dijalankan di Selangor pada tahun 1958 ialah seperti berikut: (14)

(13) Opcit., m.s. 16

(14) Opcit., m.s. 16

- i) Percetakan
- ii) Mekanik Radio
- iii) Alat Hawa Dingin dan Peti Sejuk
- iv) Seni Binaan

Pada tahun 1958 seorang lagi pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) tiba di Malaya untuk membuat kajian dan memberi nasihat ke atas perdagangan binaan (building trades). Pakar tersebut iaitu, A.C. Eldridge<sup>(15)</sup>, berada di sini sehingga tahun 1959. Hasil dari kajian beliau, Perdagangan Binaan (Building Trades) telah dianggap oleh kerajaan sebagai satu bidang perlatihan. Beberapa bidang perlatihan binaan telah dibuka di beberapa negeri seperti berikut:<sup>(16)</sup>

1. Pertukangan tangan - Selangor, Pulau Pinang, Perak, Johor dan Kelantan
2. Penyusunan Batu-Bata - Selangor, Pulau Pinang, Perak, Johor dan Kelantan
3. Pemasangan Paip Air - Selangor, Pulau Pinang, Perak dan Johor

Atas nasihat pakar-pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) fakulti Kejuruteraan telah ditubuhkan di Universiti Malaya pada tahun 1959.

---

(15) Beliau ialah pakar dari Jabatan Pelajaran (Sekolah Teknik) Australia

(16) Data diberi oleh Kementerian Buruh Malaysia



Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) pada tahun 1959 telah membiayai Pengerusi Lembaga Perlatihan Pusat belajar seluk belok perlatihan di Belanda, Sweden dan United Kingdom.

Skim Perlatihan Pusat melatih peserta-peserta kursus yang diambil berlatih secara kontrek oleh Lembaga Perlatihan Pusat. Kebanyakan latihan yang diberikan ialah kerja-kerja praktikal. Jangkamasa yang dikenakan adalah bergantung kepada jenis-jenis perlatihan. Contohnya perlatihan perkapalan mengambil masa 36 minggu untuk menamatkan latihannya. Peserta perlatihan dibayar gaji harian yang sederhana semasa mereka menghadiri kelas-kelas teknik.

Berikut ialah bilangan skim perlatihan dan bilangan peserta kursus pada tahun 1960.

<u>NEGERI</u>	<u>PENUBUHAN OLEH</u>	<u>BIL</u>	<u>BIL. PESERTA</u>
SELANGOR	Jabatan Kerajaan	2	63
	Jabatan Separoh Kerajaan	2	29
	Pentadbiran Keretapi	1	48
	Syarikat Persendirian	23	47
PULAU	Jabatan Kerajaan	1	4
PINANG	Jabatan Separoh Kerajaan	1	3
	Syarikat Persendirian	2	5
PERAK	Jabatan Kerajaan	2	14
	Syarikat Persendirian	2	13
JUMLAH		: 36	226

Sumber: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat Malaysia.

Perangkaan di atas menunjukkan bilangan skim apprentis kejuruteraan dan perdagangan Elektrik (Electrical Trade).

### 3. DAYA PENGELUARAN (PRODUCTIVITY) (17)

Atas permintaan kerajaan Malaysia (Malaya ketika itu) Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah menghantar kumpulan pakar daya pengeluaran ke Malaya pada bulan Mei hingga Julai tahun 1958. (18) Kumpulan pakar yang mengandungi dua orang itu bekerja di Kementerian Buruh dan Kementerian Perdagangan.

Tugas pakar tersebut ialah untuk menunjukkan kerajaan Malaysia tentang faedah dari perusahaan yang menggunakan teknik dan kejuruteraan moden dan menggunakan cara yang praktikal. (19) Di samping itu tugas mereka ialah memberitahu kerajaan bahawa di negara ini terdapat ramai tenaga buruh yang boleh dilatih dengan cepat di bidang perusahaan. (20) Pakar tersebut juga telah membuat kajian terhadap kehendak negara di bidang daya pengeluaran. (21)

---

(17) Lihat Bab II Kertas Projek ini untuk mengetahui peranan PBA di bidang Daya Pengeluaran secara am.

(18) Lihat "ILO at work in Federation of Malaya" Kuala Lumpur: Terbitan Kementerian Buruh Malaya - 1960

(19) Ibid.

(20) Ibid.

(21) Ibid.

Pakar-pakar dari rombongan tersebut juga telah memberi kuliah-kuliah kepada perwakilan kerajaan, majikan dan pekerja.<sup>(22)</sup> Di samping itu mereka mengendalikan latihan tiori dan kerja praktikal tentang cara-cara untuk menambahkan daya pengeluaran negara.<sup>(23)</sup>

Sebelum pakar-pakar tersebut meninggalkan Malaya, mereka telah menerbitkan satu lapuran yang mengesyurkan supaya satu Pusat Daya Pengeluaran Negara ditubuhkan di negeri ini. Setelah diteliti kerajaan Malaysia telah bersetuju pada dasarnya untuk menubuhkan satu Pusat Daya Pengeluaran Negara pada tahun 1960.<sup>(24)</sup>

Di Persidangan Pakar-Pakar yang dianjurkan oleh Pejabat Buruh Antarabangsa di Banglore pada tahun 1960, kerajaan Malaya telah dijemput untuk mencadangkan supaya seorang wakil Kesatuan Sekerja (Trade Unionist) dari Malaya mengambil bahagian di dalam Persidangan itu.

Berikutan dengan permintaan itu kerajaan Malaya telah meminta Kongres Kesatuan Sekerja Malaya supaya memilih wakil mereka untuk menghadiri Persidangan di Banglore itu.

Kerajaan Malaya juga telah mengambil bahagian di dalam Persidangan Meja Bulan Daya Pengeluaran Asia di Tokyo pada

(22) Opcit.

(23) Ibid .

(24) Ibid .

tahun 1960.<sup>(25)</sup> Di dalam persidangan itu satu keputusan untuk menubuhkan "Pertubuhan Daya Pengeluaran Asia telah diambil."<sup>(26)</sup>

Kejayaan perkembangan perusahaan di negara itu memang banyak bergantung kepada usaha-usaha Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) yang sentiasa memberi bantuan teknik dan nasihat di lapangan daya pengeluaran negara yang moden.

Dengan pertubuhan Pusat Daya Pengeluaran Negara Malaysia pada 1960 (National Productivity Centre) kerajaan sekurang-kurangnya telah mempunyai asas yang kukuh untuk aktiviti-aktiviti perusahaan latihan perhubungan perusahaan (industrial relation) yang diadakan di Pusat tersebut adalah dijangkakan dapat membaiki perhubungan antara majikan dan pekerja. Hubungan baik dan licin antara kedua pihak tersebut dapat menjamin perkembangan perusahaan yang sehat. Pusat Daya Pengeluaran Negara ini juga mengendalikan kursus-kursus pengurusan perusahaan dan penyeliaan perusahaan.<sup>(27)</sup> Pekerja dan tokoh Kesatuan Sekerja juga dilatih di Pusat ini.<sup>(28)</sup>

Pusat Daya Pengeluaran Negara ini bertugas sebagai penasihat kerajaan dan perusahaan-perusahaan persendirian

---

(25) Lihat: Activities of the ILO (1961) Geneva. Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa

(26) Ibid.

(27) Maklumat diberi oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara Malaysia

(28) Ibid.

dalam semua aspek teknik untuk menambahkan pengeluaran. Nasihat tersebut diberi oleh penasihat-penasihat khas Pusat termasuk beberapa orang pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA). Tetapi pada hari ini tidak ada pakar-pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) yang bertugas di Pusat Daya Pengeluaran Negara tersebut.

Kesimpulannya dengan tertubuhnya Pusat Daya Pengeluaran Negara, segala rancangan perindustrian dapat diatur dengan lebih teliti di Pusat tersebut sebelum dilaksanakan. Kadar perkembangan perusahaan perindustrian juga dapat dicepatkan dengan adanya pemerhatian yang teliti oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara ini.